

"Sebagai masyarakat yang prihatin, kita perlu bertindak segera dan bersama-sama menyokong kempen #ZEROBULLY dan memastikan gejala ini dapat dibanteras sepenuhnya"
Dr Mohammad Rahim

PETANDA AWAL TUNAS PEMBULI

Perkara dianggap kecil seperti suka mengejek boleh membawa kepada tingkah laku lebih teruk

Asmah Rusman

asmah_rusman@metro.com.my

Kuala Lumpur

Tolong jangan pandang remeh sekiranya anak anda suka mengejek nama kawannya kerana itu petanda awal bahawa seorang kanak-kanak muda menunjukkan tingkah laku membuli.

Perkara itu mungkin dianggap biasa dan 'kecil' oleh ibu bapa, guru dan rakan tetapi sebenarnya dari situlah tingkah laku membuli bermula dan akan bertukar ke tahap yang lebih teruk termasuk buli fizikal.

Apatah lagi sekiranya kanak-kanak itu mempunyai ciri-ciri sebagai seorang pembuli.

Menurut Pakar Kriminologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Mohammad Rahim Kamaluddin, kadangkala tingkah laku buli itu bermula dari rumah apabila ada orang dewasa yang sering melabel seseorang dengan kata-kata yang tidak betul.

"Sebagai contoh, seorang ibu atau ayah boleh melabelkan kawannya sebagai gajah sekiranya mangsa itu bersaiz besar.

"Apabila seorang ayah mengguna pakai label gajah itu di hadapan anaknya, secara tidak langsung ayah itu mengajar anaknya untuk

memulakan tingkah laku membuli dan anak boleh menggunakan pendekatan sama di luar rumah," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Dr Mohammad Rahim berkata, hasil dapatan kajian tinjauan yang dilakukannya bersama pensyarah UKM, Dr Tan Joo Seng dan pelajar,



"Ramai menganggap buli berbentuk fizikal sahaja seperti memukul, menendang dan menampar namun sebenarnya buli boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu buli secara fizikal, buli secara verbal, buli secara sosial dan buli siber"

Dr Mohammad Rahim

Akmal Haidawiah Ismail Yatin terhadap 500 responden remaja Malaysia berusia antara 13 hingga 19 tahun mendapati sebanyak 310 remaja atau 62 peratus mengaku mereka pernah dibuli.

Kajian itu juga menemui sebanyak 36 peratus iaitu 180 remaja berkenaan mengaku mereka pernah membuli orang lain.

Bellau berkata, buli ditakrifkan sebagai satu tingkah laku agresif yang dilakukan oleh seorang atau sekumpulan individu ke atas seorang atau sekumpulan individu lain iaitu mangsa dengan tujuan untuk mencederakan sama ada fizikal atau emosi.

Lazimnya, beliau berkata, buli adalah satu tingkah laku yang dilakukan secara berulang (repetitive) untuk tempoh yang tertentu.

"Ramai menganggap buli adalah berbentuk fizikal sahaja seperti memukul, menendang dan menampar namun sebenarnya buli boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu buli secara fizikal, buli secara verbal, buli secara sosial dan buli siber.

Mengulas mengenai kematian pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain, 21, dan T Nhaveen, 18, yang dikatakan menjadi mangsa buli, Dr Mohammad Rahim berkata, kedua-dua insiden itu memperlihatkan betapa teruknya insiden kes buli yang berlaku di negara ini.

Katanya, semua pihak perlu berganding bahu untuk membanteras isu buli kerana ia boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di sekolah, universiti, tempat kerja, rumah dan sebagainya.

"Sebagai masyarakat yang prihatin, kita perlu bertindak segera dan bersama-sama menyokong kempen #ZEROBULLY dan memastikan gejala ini dapat dibanteras sepenuhnya," katanya.

